



PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

PELANTIKAN SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan **Encik Nizam Mydin bin Bacha Mydin** sebagai **Setiausaha Dewan Rakyat yang baru berkuat kuasa pada Rabu, 13 Mei 2020** bagi menggantikan Encik Riduan Rahmat yang akan bertukar tugas sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Dewan Negara.

Encik Nizam Mydin, 45 tahun berasal dari Negeri Selangor, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Undang-undang dari Universiti Monash, Australia. Ketika ini beliau sedang mengikuti pengajian Ph.D Undang-undang pengkhususan dalam bidang Parlimen di Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya.

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mulai pada 29 Ogos 2005. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Peguambela dan Peguamcara serta Peguam Sharie selama 3 tahun mulai tahun 2002.

Jawatan terakhir beliau sebelum dilantik sebagai Setiausaha Dewan Rakyat ialah Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Hal Ehwal Perlembagaan dan Parlimen, Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Bagi pihak Kerajaan dan Parlimen Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Riduan Rahmat di atas segala khidmat dan sumbangan sepanjang tempoh memegang jawatan sebagai Setiausaha Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia Yang Ke-13 sejak 22 Februari 2020 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohamad Arief".

TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIEF BIN MD YUSOF
Yang di-Pertua Dewan Rakyat
14hb. Mei 2020